

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG LING BIU [ SARIKEI ]**

**TARIKH : 16 NOVEMBER 2020 [ ISNIN ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapa peratuskah penurunan penjualan harta tanah semasa pandemik wabak COVID-19 ini. Berapa banyak penurunan yang akan dijangka pada tahun depan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan Laporan Pasaran Hartanah Separuh Tahun Pertama 2020 oleh Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), prestasi pasaran harta tanah secara keseluruhan mencatatkan penurunan mendadak pada separuh tahun pertama 2020 (H1 2020) berbanding dengan tempoh yang sama tahun lalu (H1 2019). Terdapat sebanyak 75,318 transaksi harta tanah kediaman bernilai RM25.61 bilion yang dicatatkan dalam tempoh H1 2020 iaitu menurun 24.6% dalam bilangan (unit) dan 26.1% dalam nilai berbanding tempoh yang sama tahun lalu (H1 2019). Prestasi di semua negeri tidak memberangsangkan kerana semuanya mencatatkan penurunan dalam aktiviti pasaran.
2. Menurut laporan Bank Negara Malaysia (BNM), ekonomi Malaysia dijangka akan pulih secara beransur-ansur pada separuh tahun kedua 2020 (H2 2020) kerana sektor ekonomi telah dibuka semula secara berperingkat dan permintaan luar semakin bertambah baik. Dengan aktiviti ekonomi yang telah dimulakan semula sejak awal Mei 2020, aktiviti pasaran harta tanah yang dicatatkan pada bulan Mei dan Jun 2020 juga telah menyaksikan perubahan yang positif.
3. Walaupun terdapat peningkatan aktiviti pasaran dan langkah-langkah yang dicadangkan di bawah Pelan Jana Ekonomi Negara (PENJANA), pasaran harta tanah dijangka akan kekal perlahan pada separuh kedua tahun 2020 dan dijangka akan kekal perlahan sehingga tahun 2021. Tahap peningkatan akan bergantung kepada faktor domestik dan luaran seperti kestabilan politik, harga minyak dan komoditi global serta perkembangan pandemik COVID-19.

Sekian, terima kasih.